

Nilai semula prinsip penembusan tabir korporat elak seleweng Islam



Oleh Prof Madya Dr Wan Mohd Zulhafiz Wan Zahari
bhrencana@bh.com.my

Keputusan Mahkamah Persekutuan minggu lalu dalam kes Sister In Islam Forum Malaysia (SIS Forum), mencetuskan semula perbincangan mengenai bidang kuasa undang-undang agama terhadap sesuatu entiti seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pada 2014, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengeluarkan fatwa diwartakan, mengisytiharkan fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.

Fatwa itu turut menamakan SIS Forum sebagai antara entiti mempromosikan fahaman berkenaan.

Sebagai tindak balas, SIS Forum memfailkan permohonan semakan kehakiman di mahkamah sivil dengan alasan:

- Fatwa berkenaan mencabuli hak kebebasan bersuara dan beragama sebagaimana dijamin Perlembagaan Persekutuan.
- SIS ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) dan bukan individu, maka ia tidak tertakluk kepada fatwa ditujukan kepada 'orang Islam'.
- Arahan dalam fatwa kepada agensi Persekutuan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) adalah melangkaui bidang kuasa negeri.

Perlindungan, kelompangan perundangan
Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoriti memutuskan syarikat seperti SIS Forum bukan 'orang menganut agama Islam', oleh itu tidak ter-

takluk kepada fatwa berkenaan.

Mahkamah menegaskan bidang kuasanya adalah terhad kepada soal Perlembagaan dan pentadbiran undang-undang, bukan isi kandungan agama.

Namun, dalam penghakiman minoriti oleh Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abu Bakar Jais, satu isu penting dibangkitkan, iaitu 'walaupun SIS Forum entiti berdaftar, ia dikendalikan sepenuhnya individu Muslim dan aktif menyuarakan pandangan dalam ruang wacana Islam'.

Justeru, tidak wajar bagi entiti sebegini berlindung di sebalik struktur perundangan korporat demi mengelak tanggungjawab agama.

Ini mencetuskan persoalan besar, patutkah mahkamah mempertimbangkan untuk menembusi tabir korporat (lifting the corporate veil) dalam kes sebegini?

Dalam undang-undang, prinsip penembusan tabir korporat membolehkan mahkamah melihat melangkaui bentuk syarikat dan terus kepada individu mengawal atau memanfaatkannya terutama jika struktur itu digunakan untuk tujuan penipuan, mengelak daripada tanggungjawab atau sebagai alat penyamaran.

Meskipun lazim digunakan dalam kes komersial, kes SIS Forum menunjukkan prinsip ini boleh dan patut diterokai dalam konteks kepentingan awam dan agama.

Sekiranya NGO digunakan sebagai wadah untuk menyampaikan pandangan keagamaan oleh individu Muslim, maka wajar tabir korporat disingkap demi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Oleh itu, keputusan tidak mempertimbangkan prinsip ini, walaupun secara ringkas, boleh dilihat sebagai 'peluang terlepas' dan boleh mencetuskan kecenderungan masa hadapan apabila organisasi keagamaan mula menggunakan status syarikat untuk kebal daripada penguatkuasaan fatwa.

Isu ini bukan soal membungkam suara NGO atau menyekat perbincangan agama, adalah soal kejelasan perundangan dan keadilan substantif.

Sekiranya fatwa ditujukan kepada masyarakat Islam, bolehkah entiti yang secara jelas membawa imej dan misi keislaman mendakwa mereka tidak tertakluk hanya kerana berdaftar sebagai syarikat?

Jika tidak ditangani, ia membuka ruang kepada mana-mana entiti untuk mengelak tanggungjawab agama dengan berselindung di sebalik kerangka undang-undang perniagaan.

Bagi menangani isu ini secara holistik, beberapa perkara harus dinilai.

- Penambahbaikan dalam enakmen pentadbiran agama negeri, khususnya untuk menjelaskan bila dan bagaimana fatwa boleh terpakai ke atas entiti korporat.

- Pembangunan garis panduan kehakiman untuk menilai kes berdasarkan imbalan antara status undang-undang sesebuah syarikat, aktiviti dijalankan dan tanggungjawabnya terhadap undang-undang syariah.

Kes SIS Forum membawa implikasi besar terhadap pemahaman kita mengenai akauntabiliti korporat dalam konteks agama.

Bentuk perundangan tidak seharusnya menjadi pelindung mutlak apabila substansi dan amalan menunjukkan sebaliknya.

Sementara itu, mahkamah dan pembuat dasar perlu berani melangkah untuk mengemas kini kerangka undang-undang lebih menyeluruh dan selari dengan realiti semasa yang organisasi moden tidak wajar terlepas daripada pemantauan agama hanya kerana menggunakan topeng perundangan korporat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Tingkat pertahanan Malaysia, ASEAN hadapi geopolitik global



Oleh Muhammad Ehsan Kamil Mohamad Radzi
bhrencana@bh.com.my

Siri ketegangan berbalas serangan antara Iran-Israel, konflik Russia-Ukraine dan konfrontasi India-Pakistan menjadi isyarat kepada Malaysia untuk melaksanakan reformasi pertahanan strategik baharu dan membentangkan pelan tindakan bertujuan memperkasakan pertahanan, sekali gus melindungi kedaulatan dan keutuhan negara.

Reformasi pertahanan itu perlu mewakili perubahan dalam cara kerajaan berfikir dan bertindak mengenai pengalaman pertahanan di tengah-tengah geopolitik berubah dengan pantas. Kerajaan perlu melancarkan semakan kepada Kerangka Pertahanan Negara, sebagai langkah pertama menilai semula Kertas Putih Pertahanan.

Antara yang penting ialah pelaburan dan pembangunan senjata baharu, iaitu inisiatif memperluaskan keupayaan perangkaan sistem perintah dan kawalan, kumpulan dron sebagai unit senjata pemusnah, sistem peluru berpandu jarak jauh bersepadu, sistem pemintas ancaman udara dan pesawat jet pejuang baharu dilengkapi teknologi moden dan automasi.

Semakan strategi dan inisiatif lebih sukar yang amat diperlukan untuk bertindak balas terhadap cabaran keselamatan perlu dibuat. Ancaman terdekat sebagai negara maritim ialah tuntutan ber-

tindih di Laut China Selatan, operasi khas dan peranan khusus di Asia Pasifik serta Lautan Hindi.

Langkah signifikan perlu digariskan demi memastikan Malaysia sentiasa berada dalam mod 'bersedia' terutama dalam perang berskala besar. Panduan baharu harus menunjukkan sistem pertahanan negara tidak lagi berada pada era bertahan semata-mata, tetapi memiliki persediaan komprehensif dan ketersediaan tinggi serta teruji.

Dengan peningkatan sentimen dan gerakan sedang menguasai persepsi sensitif dunia, kemungkinan Malaysia bukan sekadar perlu memilih bertahan, bahkan berdepan kemungkinan dipaksa untuk berperang.

Terap keupayaan, strategi lebih moden

Oleh itu, kerajaan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu menguruskan perubahan keperluan ketenteraan lebih kompleks serta lebih inovatif menghadapi cabaran ini.

Justeru, semakan kepada Tonggak Strategi Pertahanan Negara perlu menerapkan keupayaan model 'daya komprehensif dan bersepadu' lebih jitu berteraskan langkah rintangan kepada sebarang pencerobohan atau konflik termasuk dalam aspek siber.

Reformasi pertahanan juga memerlukan pendekatan merangkul seluruh masyarakat, termasuk memperluaskan pasukan khas atau kadet bawah 18 tahun secara sukarela, melindungi infrastruktur negara dan persepsi jangkauan awam.

Tidak boleh dilupakan, inovasi digital dan pengeluaran tempatan untuk unit senjata, peluru dan kenderaan perisai serta meneliti cadangan industri pertahanan boleh menjadi penyumbang lebih besar untuk mengembangkan ekonomi.

Kini, inovasi digital ketenteraan sedang dipacu industri di Amerika Syarikat (AS) dan China seperti kecerdasan buatan (AI), nanoteknologi, robotik dan automasi. Cabaran untuk Malaysia adalah untuk memanfaatkan hubungan baik dengan negara berkenaan untuk perkongsian teknologi persenjataan dan penerokaan inovasi yang tidak mempunyai kehadiran asas kepakaran dalam industri digital ketenteraan negara.

Reformasi strategi pertahanan ini juga harus mengakui wujud keperluan dalam menetapkan pendekatan keutamaan ASEAN dalam mewujudkan kestabilan serantau selari dengan undang-undang antarabangsa.

Terdapat keperluan penting bagi Malaysia untuk menggandakan usahanya dalam ASEAN dan meningkatkan sumbangannya kepada keselamatan wilayah Asia Tenggara dengan lebih meluas demi menyesuaikan keutamaan serantau apatah lagi pencerobohan ketenteraan kini lebih kompleks dan tidak hanya tertumpu kepada operasi penguasaan darat dan laut.

Dengan menyatakan ASEAN dan rantau Asia Pasifik menjadi rujukan utama Malaysia untuk tanda aras keselamatan, ini menandakan peralihan daripada fokus pertahanan kepada strategi peperangan lebih komprehensif.

Penganalisis antarabangsa